



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ROSNAH BINTI JOHARI  
PELAKON VETERAN TANAH AIR**

**OLEH:**

**NUR MALIAH BINTI ZAILANI (2020813178)  
SITI SYALWANIE BINTI ROSLAN (2020621438)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ROSNAH BINTI JOHARI  
PELAKON VETERAN TANAH AIR

OLEH:

NUR MALIAH BINTI ZAILANI (2020813178)  
SITI SYALWANIE BINTI ROSLAN (2020621438)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada ALLAH S.W.T, yang telah memberi peluang dan kelapangan masa serta kesihatan yang baik kepada kami untuk menyiapkan tugas kumpulan ini. Tugas ini disediakan untuk pensyarah yang kami hormati iaitu, Puan Nurulannisa binti Abdullah yang mengajar subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604). Tugas ini ialah berdasarkan kertas kerja yang diberi oleh pihak universiti.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepadapensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah yang telah banyak memberi maklumat yang berkaitan dengan tugas, cadangan dan tunjuk ajar yang bernas dari awal hingga akhir dalam proses menyempurnakan tugas pendokumentasian sejarah lisan ini.

Kami sangat menghargai segala nasihat dan masa yang telah diluangkan untuk memastikan kami berada di landasan yang betul bagi menyiapkan tugas ini. Keduanya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada tokoh yang kami pilih iaitu Puan Rosnah binti Johari dan keluarga beliau kerana memberi kerjasama yang amat banyak dalam membantu kami menyiapkan tugas kami.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kami ucapkan kepada rakan-rakan yang telah banyak membantu kami terutama rakan sekelas kami iaitu dari kelas 5B yang banyak memberi idea-idea yang bermutu, berkongsi pendapat dan memberi semangat kerjasama yang tinggi dalam menyelesaikan tugas ini. Selain daripada itu, tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga kami terutamanya kepada ibu bapa kami, yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan serta sentiasa mendoakan kejayaan ketika kami dalam proses menyelesaikan tugas ini sehingga selesai. Akhir sekali, penghargaan juga diberikan untuk semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini.

Terima kasih.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Rosnah binti Johari merupakan seorang pelakon Malaysia yang telah berkecimpung di dalam industri seni lakonan dan perfileman sejak era 80an. Beliau dilahirkan pada [blank] di hospital Kuala Lumpur. Beliau mula aktif dalam dunia lakonan sejak tahun 1983 sehingga kini. Beliau merupakan seorang pelakon Malaysia yang mempunyai bakat yang istimewa yang mana hasil lakonan beliau dalam drama "sayang Sarawak" memberi kesan yang mendalam kepada penonton sehingga beliau memenangi anugerah pelakon terbaik (drama) Anugerah Seri Angkasa 1989. Temubual yang akan dijalankan adalah untuk mengetahui lebih lanjut latar belakang, kerjaya serta sumbangan dan juga anugerah yang diperolehi yang dalam dunia seni lakonan. Temubual ini juga untuk mengetahui dengan lebih lanjut apakah yang membuatkan beliau begitu meminati kerjaya ini serta rahsia disebalik kejayaan beliau sehingga kini. Selain itu juga, kami ingin mengetahui dari mana datangnya inspirasi beliau untuk menghayati setiap watak yang dilakonkan.*

**Kata kunci:** *lakonan, Industri seni, Artis, Pengambaraan filem, Tokoh*

### **Abstract**

*Rosnah binti Johari is a Malaysian actress who has been involved in the acting and film industry since the 80s. She was born on [blank], in a hospital in Kuala Lumpur. She began to be active in the world of acting since 1983 until now. She is a Malaysian actor with a special talent whose performance in the drama "Sa yang Sarawak" had a deep impact on the audience until she won the award for best actor (drama) Anugerah Seri Angkasa 1989.*

*The interview that will be conducted is to find out more about her background, career and contributions and also the awards she has received in the world of acting. This interview is also to find out more about what made her so interested in this career and the secret behind her success until now. In addition, we want to know where his inspiration comes from to live each character she plays.*

**Keywords:** *Acting, Art industry, Artist, Shooting film, Figure*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iv
Biodata Penemubual .....	vii
Biodata Penemubual 2.....	viii
Biodata Tokoh.....	x
Pengenalan.....	xii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	04
Bahagian 3: Kerjaya Awal.....	07
Bahagian 4: Harapan dan Nasihat Dalam Industri Lakonan.....	19
Bahagian 5: Pesaraan.....	24
Rujukan.....	25
Lampiran	
Log Wawancara.....	27
Diari Kajian.....	35
Soalan Temuramah.....	42
Surat Perjanjian.....	48
Gambar.....	50
Indeks.....	52



# **BIODATA PENEMUBUAL**

BIODATA PENEMUBUAL 1



Nama: Nur Malihah Binti Zailani

Tarikh Lahir:

Tempat Lahir:

Alamat: Kelantan

No Telefon:

Email:

Program: Pengurusan Maklumat (IM245)

BIODATA PENEMUBUAL 2



Nama: Siti Syalwanie Binti Roslan

Tarikh Lahir: 9

Tempat Lahir:

Alamat:

No Telefon:

Email:

Program: Pengurusan Maklumat (IM245)

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



**Nama:** Rosnah binti Johari

**Umur:**

**Tarikh Lahir: Pekerjaan:**

Pelakon Tanah Air **Bidang:** Industri

Seni (Lakonan) **Tempat Tinggal:**

Puchong, Selangor **Hobi:** Bercucuk

Tanam

**Kampung Asal:** Kuala Lumpur No.

**Telefon:**

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Kami telah diberi tugas daripada pensyarah untuk membuat kajian dan mencari tokoh yang berpengalaman untuk menceritakan tentang sejarah dan pengalaman di dalam dunia seni yang telah dipilih sebagai tajuk untuk menyiapkan tugas ini. Oleh itu, tugas ini adalah wajib untuk kami laksanakan sebagaimana ia merupakan tugas bagi memenuhi skop projek untuk subjek Oral Documentation.

Selain itu, tugas ini meliputi dari segi menemubual tokoh dan transkripkan segala percakapan di dalam bentuk bertulis atau dalam kata lain ialah sejarah lisan. Sepertimana yang diketahui, maksud sejarah lisan boleh diketengahkan satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu.

Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu, selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Oleh hal yang demikian, untuk mengetahui dengan lebih lanjut maklumat yang dicari, kami memilih Puan Rosnah binti Johari, tokoh yang ingin ditemubual untuk menjadikan tugas kami dapat disiapkan dan berjalan dengan lebih lancar. Beliau banyak mengetahui tentang dunia industri terutama dalam industry lakonan di tanah air kerana beliau merupakan salah seorang artis veteran yang terdapat di Malaysia.

Artis merujuk kepada golongan manusia yang mempunyai bakat dalam menghasilkan kesenian. melalui olahan suara, nyanyian lagu, muzik dan tarian, lakonan, lukisan, dan seumpamanya. Manakala dunia artis dikenali sebagai dunia popular, imej yang bergaya, berpersonaliti hebat, diva dan hiburan. Lakonann pula adalah perkataan yang sering disebut, namun tidak begitu mudah untuk diperkatakan dari sudut pengertiannya. Bidang lakonan bermula dari awal kewujudan manusia apabila gerak laku mereka adalah dituntun oleh kehendak-kehendak fizikal dan spiritual.

Oleh itu, pengetahuan yang dimiliki oleh Puan Rosnah Johari tentang dunia seni lakonan membuatkan kami teruja untuk menemubual beliau seterusnya untuk mendapatkan maklumat sebanyak yang mungkin. Jadi, tugas sejarah lisan yang akan kami laksanakan ini mempunyai kepentingan yang berharga kerana ia dapat memupuk minat serta dapat memberi pandangan dan nasihat dengan lebih mendalam untuk anak muda dan generasi yang akan mendatang dalam mengetahui pengetahuan serta ilmu mendalam yang berkaitan dengan sejarah dunia seni lakonan di tanah air.



# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Nur Malihah Binti Zailani dan Siti Syalwanie Binti Roslan telah menemubual Puan Rosnah Binti Johari mengenai kerjayanya dalam seni lakonan dan penghargaan yang diperolehi oleh beliau. Sesi temubual ini dijalankan pada 24 Januari 2023 dan pada jam 9.30 malam. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

RJ: Rosnah Johari  
NM: Nur Malihah  
SS: Siti Syalwanie

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NM** : Boleh puan perkenalkan nama penuh?

**RJ** : Y. Rosnah Binti Johari.

**NM** : Adakah puan mempunyai nama “glamour”?

**RJ** : Rosnah Johari sebab nama penuh saya Y. Rosnah Binti Johari. Y itu adalah ‘initial’ untuk Yong. Jadi dia ‘short form’ Y sahaja. Y. Rosnah Binti Johari itu nama penuh. Jadi nama glamour Rosnah Johari.

**NM** : Dimanakah puan dilahirkan?

**RJ** : Dilahirkan di Kuala Lumpur.

**NM : Bilakah tarikh lahir puan?**

RJ : 10 .

**NM : Dimanakah puan dibesarkan?**

RJ : Dibesarkan di Kuala Lumpur juga.

**NM : Dimanakah puan menetap sekarang?**

RJ : Sekarang menetap di Puchong.

**NM : Dengan siapakah puan tinggal sekarang?**

RJ : Dengan anak-anak.

**NM : Apakah cita-cita puan yang pertama?**

RJ : Rasanya bila umur makin 60 ni, bila tanya pasal cita-cita macam tak (tidak) tahu nak cakap macam mana. Cita-cita untuk diri sendiri ke atau cita-cita yang pertama?

**NM : Cita-cita yang pertama sebelum menjadi pelakon.**

RJ : Oh, maksudnya mula-mula sekali. Mula-mula sekali memang saya tak (tidak) impikan pun untuk menjadi pelakon. Masa zaman sekolah menengah suka dengan

kawan menyanyi. Ingatkan jadi artis jadi penyanyi la kan. Lepastu (selepas itu) dekat sekolah adakan 'casting' untuk cari pelakon untuk wakil sekolah untuk pertandingan drama kawasan daerah. Jadi ada sorang (seorang) kawan ni (ini) dia kata "Kenapa tak (tidak) cuba mana tau (tahu) kot terpilih kan?" Saya kata tapi tidak ada pula cakap dengan dia tak nak (tidak nak) lah, saya pergi jelah (sahaja) cuba, sekali cuba terpilih dapat jadi maksudnya memang ada bakat lakonan terpendam yang Allah dah anugerahkan. Lepastu (selepas itu) masa 'form' 4 atau 5 tu (itu) mewakili sekolah untuk pertandingan drama antara daerah, negeri memang menang. Menang dapat pelakon wanita Angkasa Puri. Itulah mula berlakon dalam drama besar.

**NM : Jika mempunyai masa lapang, apakah yang biasanya puan akan lakukan?**

**RJ : Biasanya saya suka bercucuk tanam, tanam pokok, sayur di rumah.**

## **TAMAT BAHAGIAN 1**

### **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**NM : Bilakah puan mendapatkan pendidikan awal?**

**RJ : Pendidikan awal bermula dari sekolah rendah. Selepas itu, Sekolah Menengah sampai SPM, saya belajar sampai SPM sahaja tingkatan 5.**

**NM : Dimanakah puan pernah bersekolah?**

**RJ : Sekolah saya yang terakhir Sekolah Menengah Ulu Klang.**

- NM : Semasa di bangku sekolah, adakah puan seorang yang aktif?**
- RJ : Kurang, kurang aktif. Macam masuk juga persatuan, macam persatuan Bahasa Malaysia tapi kalau sukan semua saya kurang aktif sebab saya orangnya ...  
Orang yang pemalu. Saya orang yang sangat pemalu.
- NM : Adakah puan pernah memegang apa-apa jawatan semasa di zaman persekolahan?**
- RJ : Ada, masa tingkatan 5 saya jadi ketua kelas.
- NM : Adakah puan pernah memenangi apa-apa anugerah semasa zaman persekolahan?**
- RJ : Untuk drama tu (itu) sahaja yang ada. Yang mewakili sekolah dalam pertandingan drama.
- NM : Adakah puan tinggal di asrama sewaktu zaman persekolahan?**
- RJ : Tidak, memang berulang hari-hari. Tidak pernah duduk di asrama.
- NM : Apakah subjek kegemaran puan ketika di waktu persekolahan?**
- RJ : Dulu boleh dikatakan suka Sejarah sebab aliran sastera. Waktu sekolah dulu aliran sastera jadi antara subjek yang suka Sejarah.

**NM : Pernahkah puan menerima sebarang biasiswa ataupun bantuan sepanjang pengajian?**

**RJ : Masa sekolah pernah masa tingkatan 1 dapat bantuan alaun daripada kerajaan.**

**NM : Semasa di persekolahan, adakah puan sering menyertai mana-mana kelab dan persatuan sepanjang pengajian?**

**RJ : Ada, Persatuan Bahasa Malaysia.**

**NM : Apakah pengalaman yang paling manis bagi puan semasa di zaman persekolahan?**

**RJ : Rasanya bila setiap kali sekolah kami menang untuk pertandingan drama.**

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL**

**NM : Apakah pekerjaan pertama puan?**

**RJ :** Saya pernah kerja di 'office' jadi kerana sebelum mula berlakon. Jadi bila saya nak berlakon tu saya cuti dan bila dapat tawaran berlakon saya minta cuti lagi, lama-lama saya berhenti dan tumpukan pada lakonan.

**NM : Bagaimana puan boleh berminat untuk menjadi seorang pelakon?**

**RJ :** Bermula pada zaman sekolah dulu yang bila mana saya kata bila saya menang pelakon terbaik dari situlah minat.

**NM : Apakah faktor yang membuatkan puan ingin menjadi seorang pelakon pada waktu itu?**

**RJ :** Tiada apa melainkan minat rasanya.

**NM : Mengapa puan memilih 'profession' ini?**

**RJ :** Oh, saya rasa bukan saya pilih. Memang kebetulan, maksudnya memang saya terdorong ke arah itu waktu itu. Itu orang kata pilihan.

**NM : Boleh puan ceritakan tentang sejarah kerjaya dari awal sehingga sekarang?**

**RJ :** Macam saya cakap tadi saya bermula pada zaman sekolah menengah, mewakili sekolah. Selepas habis 'form' 5 saya berlakon dengan RTM. Selepas RTM saya berlakon dalam drama spontan. Saya mula berlakon pada 1981 .... Drama

pertama saya dengan RTM. Tahun 1989, saya menang Anugerah Pelakon Wanita Terbaik Anugerah Sri Angkasa.

**NM : Bagaimanakah puan mula tertarik dalam dunia seni lakonan?**

RJ : Selepas saya dapat jana pendapatan, bila lepas (selepas) dapat 'payment' semua rasa macam mungkin saya patut teruskan berlakon dan itu pendapatan saya sendiri.

**NM : Pada umur berapakah puan mula bekerja sebagai seorang pelakon?**

RJ : Selepas SPM, 18 tahun.

**NM : Siapakah idola puan dalam dunia lakonan?**

RJ : Ramai ... ramai antaranya yang saya bercita-cita untuk berkerja dengan orang-orang tertentu. Antaranya memang saya dah dapat berkerja dan ada yang tak sempat nak berkerja dengan dorang (mereka). Antara yang memang saya kagumi arwah Azean Irdawaty. Yang saya sempat berlakon antaranya Dato Rahim Razali, Ahmad ..... Nama-nama yang saya minat dan saya bercita-cita untuk dapat berkerja dengan dorang (mereka) dan Eman Manan pun saya dah dapat berlakon. Yang saya tak (tidak) dapat berlakon .... Orang yang tak (tidak) dapat Ahmad Yatim orang yang tak (tidak) pernah lagi saya berlakon.



**NM** : **Siapa yang memberi sokongan dan dorongan kepada puan untuk mendapatkan pekerjaan tersebut?**

**RJ** : Pada awalnya kawan baik saya yang bagi dorongan untuk saya cuba dan saya terpilih selepas itu saya rasa tak (tidak) ada sesiapa yang mendorong. Tiada siapa yang mendorong atau melarang baik 'family' sekalipun tak (tidak) pernah mendorong dan tak (tidak) pernah melarang. Jadi diri sendiri yang mendorong.

**NM** : **Adakah keluarga, rakan serta kenalan pernah menghalang atau melarang puan untuk menceburi dunia lakonan?**

**RJ** : Tak (tidak) pernah tapi mak saya ada satu ketika tu (itu) pernah musykil dia kata "kau ni (ini) pergi mana sebenarnya balik sampai pagi sampai pukul 3 pagi" apa semua kan. "Betul ke 'shooting'" dia cakap macam tu (itu). Saya kata "betul kalau mak tak (tidak) percaya jom ikut pergi 'shooting'" ada sekali itu saya bawa la mak saya pergi 'shooting' lepastu (selepas itu) mak saya serik dah ikut kata tak (tidak) nak dah, tak (tidak) nak dah. Baru dia faham saya berkerja.

**NM** : **Bagaimana persepsi anak-anak puan semasa puan menjadi pelakon?**

**RJ** : Bila saya terpaksa berkerja. Taulah (tahu) waktu 'shootingkan' lama kadang-kadang pagi dan sampai pagi. Jadi saya memang dengan mak saya buat duit. Jadi mak saya lah yang ambil alih tugas saya bila saya tidak ada dekat rumah.

**NM** : **Adakah puan pernah membawa anak-anak ke set pengembaraan?**

RJ : Oh, pernah juga dan ada juga antara yang dorang (diaorang) terlibat dalam lakonan tapi tiada yang melekat pun. Cuba sekali lepastu (selepas itu) dah tak nak (tidak mahu) dah.

**NM : Adakah puan pernah menghadiri uji bakat untuk menjadi pelakon?**

RJ : Rasa seronok, pertama kali saya berlakon drama RTM itu saya berlakon sebagai 'extra' sahaja untuk 1 'scene' sahaja. Itu kali pertama saya berlakon drama di RTM. Tapi rasa memang seronok sangat rasa bercampur dengan takut sebab itu perasaan berlakon dan berlakon dalam video. Penggambaran berlakon dalam studio.

**NM : Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan semasa berlakon?**

RJ : Pengalaman yang tak (tidak) dapat dilupakan ... tak (tidak) dapat bayaran dan penerbit berkenaan pun hilang diri macam tu je (itu sahaja) tanpa dapat di kesan sampai harini pun tidak terbitkan drama. Itulah (itu lah) yang paling tak (tidak) 'best' sekali.

**NM : Adakah puan pernah terlewat untuk pergi ke set penggambaran?**

RJ : Oh pernah, pernah perkara itu perkara biasa saya rasa untuk semua orang tahu jalan dekat KL tu kekadang (itu kadang-kadang) jem sana sini kan, itu perkara biasa tapi seboleh-bolehnya elakkan lah cuba untuk datang tepat pada masanya.

**NM : Apakah watak yang sering di bawa oleh puan?**

RJ : Saya sering di berikan watak sebagai seorang mak. Seorang mak yang baik, lembut, watak penyedih itu kebiasaannya orang kata sinonim. Tapi saya juga ada bawa watak-watak yang lain watak yang garang, watak yang mak yang garang, mak yang 'kekwat'.

**NM : Adakah puan menerima semua tawaran lakonan yang diberikan?**

RJ : Tak juga (tidak juga), Ada juga yang saya tolak disebabkan jalan cerita atau watak yang kurang sesuai dengan saya.

**NM : Bagaimana puan belajar untuk mendalami setiap watak yang diberikan oleh pengarah?**

RJ : Biasanya ... kadang-kadang bila saya berlakon dengan pelakon baru dorang akan tanya macam mana saya dapat 'mood' untuk menangis, untuk keluarkan air mata, macam mana cara. Saya bagitau dorang ... biasanya saya akan baca skrip tu (itu) dulu, saya fahamkan cerita tu (itu) cerita macam mana kemudian saya akan cakaplah watak saya tu (itu) apa dan saya kena buat satu karakter untuk watak tu (itu). Untuk saya sendiri, untuk karakter saya tu (itu) macam mana dari situlah saya kembangkan perwatakan dalam cerita itu.

**NM : Adakah puan pernah gagal dalam mendalami watak? Sekiranya ya, bagaimana puan mengatasinya?**

RJ : Gagal tu tak (itu tidak) pernah tapi kita rasa bila kita (berfikir) kebiasaanya bila drama tu (tidak) dah keluar dekat tu (tidak) dan bila kita dah tengok kita rasa macam 'alaaaa' aku boleh buat lebih baik lagi daripada ni (ini), kenapa aku buat macam tu (itu). Haaa .... Kebiasaannya macam itu tapi kita akan buat sesuai yang sampai 'director' tu (itu) kata 'okay' kalau dia kata 'tak' kena buat lagi sekali, kita buat sampai 'director' puas hati. Tapi untuk kepuasan diri sendiri bila dah masuk dan kita akan macam ada satu perasaan yang macam "eh aku ni oleh buat lebih bagus daripada itu".

**NM : Apakah watak yang memberi kesan mendalam kepada puan setiap kali berlakon?**

RJ : Kesan yang mendalam sekiranya watak itu sebagai seorang maklah, banyak berkorban untuk anak-anak.

**NM : Apakah watak yang sangat puan ingin lakonankan?**

RJ : Buat masa ni (ini), saya rasa saya belum lagi berlakon watak macam perempuan yang separuh gila ke haa belum lagi tapi kalau bagi saya watak hantu pun saya tak nak (tidak mahu). Saya pernah berlakon watak hantu tapi hantu tu (itu) hantu cantik bukan hantu yang hodoh kalau orang tengok pun tak (tidak) takut tapi hantu yang hodoh tu tak (tidak) pernah lagi. Bukan saya takut tapi sebaiknya takpayah (tidak perlu) lah.

**NM : Antara filem dan drama, yang manakah pilihan utama puan?**

**RJ :** Filem dengan drama, beza filem dengan drama ni (ini) drama satu hari kita akan 'shoot' 'scene' kadang sampai 20 lebih 'scene'. Bila kita nak habis satu-satu set tu (itu) katakahlah 23 'scene' tu (itu) haritu (hari itu) juga dan kena 'rush', cepat salin baju dan kena laju habiskan. Filem pula rasanya dalam 1 hari tu (itu) dia akan 'shoot' lebih jadi 2, 3 'scene' akan ada banyak masa untuk kita rehat, untuk kita apa (berfikir) baca dialog kita. Benda-benda macam tulah (itu lah).

**NM : Apakah genre drama atau filem yang puan minat?**

**RJ :** Sebenarnya kan kalau ikut pada diri sendiri saya minat cerita lasak, cerita yang lasak (action) dan saya pernah tau (tahu) berlakon watak lasak pesilat pada tahun (berfikir) ... pada zaman muda-muda dulu sebelum kahwin. Saya pernah berlakon satu watak dan dia menggunakan saya untuk bersilat.

**NM : Sekiranya diberikan genre romantik dan lawak seram, yang manakah puan berminat?**

**RJ :** Oh, lawak seramla, romantik tak (tidak) minat.

**NM : Jika diberikan skrip lakonan, apakah yang pertama sekali puan akan lihat?**

**RJ :** Perwatakan, perwatakan dan dia ni (ini) orang yang macam mana, pakaian yang macam mana. Kekadang (kadang-kadang) itu pernah satu kali tu (itu) ada pernah satu masa itu saya pernah dapat tawaran watak tu (itu) sebenarnya watak 'last

minute', orang yang sepatutnya bawa watak tu (itu) dia tak dapat (tidak dapat) berlakon watak itu jadi dia 'offer' dekat saya. Waktu dia telefon tak (tidak) baca, tak (tidak) tengok skrip, tak (tidak) apa lagi Cuma boleh tak datang esok 'shoot' esok. Saya kata "kenapa last minute", dia kata pelakon yang sepatutnya berlakon dia tak (tidak) dapat berlakon, okay boleh watak apa, dia cakap watak seorang mak, dia tak (tidak) cakap lebih daritu (daripada itu) la. Esoknya bila saya pergi set saya dapat tahu rupanya ceritu tu (itu) .... Sekarang ni (ini) cerita tu (itu) ada 'scene' 'flashback' mak dia ni (ini) dulu dia seorang pelacur. Dia ada 'scene' 'flashback', ada 'scene' 'flashback' yang saya ni (ini) kena tak (tidak) pakai tudung. Jadi saya bagitau (bagitahu) dia saya minta maaf lah saya tak (tidak) dapat ambil 'job' ni (ini), saya kena tolak. Saya minta maaf sangat-sangat sebab tak bagitau (tidak bagitahu) saya awal-awal yang dia ada 'scene' 'flashback' di mana dia tak (tidak) pakai tudung. Saya kata minta maaf sangat saya tak (tidak) boleh buat jadi saya tak (tidak) ambil lah.

**NM : Sebelum melakukan sebarang pengembaraan filem dan drama, apakah persiapan dan persediaan yang puan lakukan?**

**RJ :** Persiapan dari segi (berfikir) kita tahu watak kita, pakaian. Kekadang (kadang-kadang) dalam filem pakaian kita tahu yang kita tak (tidak) boleh bawa apa-apa tapi kalau drama kita kena sediakan pakaian yang sesuai dengan watak itulah.

**NM : Kalau puan tidak keberatan, bolehkan saya tahu berapakah bayaran untuk sesebuah drama?**

**RJ :** Tak (tidak) tentu biasa terpulang pada setiap 'production' sebab setiap 'production' bayaran dia tu (itu) tak sama (tidak sama), ada yang bayar ciput

(sedikit), ada yang bayar atas tebing (tengah-tengah), ada yang bayar lebih sikit. Haaa, dia tak (tidak) tentu, jadi saya nak bagitau (bagitahu) anggaran pun susah.

**NM : Semasa Covid-19, adakah ia memberi kesan kepada bidang lakonan puan?**

**RJ :** Ya, sangat-sangat. Bukan setakat waktu tu je (itu sahaja) maksudnya sampai sekarang pun memberi kesan kepada ramai pelakon sebab sampai sekarang pun ramai lagi belum betul-betul ada kerja untuk 'shooting' sebab belum berjalan lancar lagi tambah selepas .... jadi semuanya belum lagi serancak sebelum Covid.

**NM : Sepanjang Covid-19, apakah kegiatan utama puan?**

**RJ :** Masa Covid tu (itu) memang tak boleh (tidak boleh) bergerak kemana. Memang duduk rumah jelah (sahaja lah). Tak buat pape (tidak buat apa).

**NM : Selepas Covid-19 reda, adakah puan masih mendapat tawaran berlakon?**

**RJ :** Ada juga tapi sangat berkurang sampai sekarang ni (ini) pun memang sangat berkurang belum banyak lagi tawaran berlakon bukan pada saya je (sahaja) tapi pada ramai pelakon-pelakon lain juga.

**NM** : Adakah suasana di set pengembaraan sebelum dan selepas Covid-19 berubah?

**RJ** : Oh, memang berubah sebab terutama bila selepas dah mula 'shooting' tu (itu) memang keadaan itu lain lah. Semuanya macam sangat berhati-hati, tak boleh (tidak boleh) (berfikir), kena pakai 'mask'. Kiranya semua sangat berhati-hati lah. 'Even' sampai sekarang pun 'shooting' memang kita masih lagi jagalah. Jaga jarak apa semua, Cuma waktu berlakon tu (itu) kita akan berlakon macam biasa tapi kalau dapat dielakkan, elakkan lah.

**NM** : Apakah yang puan rasakan tentang pelakon muda pada zaman sekarang?

**RJ** : Kiranya, saya kadang-kadang kita boleh juga bagi nasihat tapi kadang-kadang bukan semua orang boleh terima nasihat kita tapi kalau saya rasa yang okay, dia baik dengan saya, saya nasihatkan lah apa yang sepatutnya saya nasihatkan sebab bukan mudah ya berada dalam industri ni (ini) dan untuk bertahan lama.

**NM** : Adakah puan menerima sebarang anugerah sepanjang menjadi pelakon tanah air selain daripada anugerah wanita terbaik?

**RJ** : Ah, tkde (tiada). Takde lagi (tiada lagi). Haa itu je (sahaja).

**NM** : Apakah penghargaan yang sangat bermakna sepanjang puan berada dalam dunia seni lakonan?



RJ : Rasanya bila saya di nobatkan sebagai pelakon wanita terbaik tahun-89.

**NM : Sebagai pelakon yang dikenali sebagai dramatis airmata, apakah tips yang boleh dikongsikan untuk menangis bila melakonkan babak yang sedih?**

RJ : Pertama sekali, kita kena sentiasa pada watak yang kita nak bawakkan tu (itu). Sebenarnya dia ada 2 'option' mana kita letak diri kita sebagai watak tu (itu), yang ke-2nya kalau kita tak (tidak) dapat juga nak keluarkan air mata kita, kita kena fikirkan 1 kejadian sedih dalam diri kita untuk buat kita rasa sedih untuk kita bawa ke dalam watak itu.

**NM : Bolehkan kerjaya lakonan ini dianggap sebagai kerjaya ataupun sekadar mengisi masa lapang dan hobi?**

RJ : Pada saya, pada orang lain saya tak (tidak) tahu. Mungkin pada saya kerjaya saya adalah periuk nasi saya.

**NM : Siapakah pelakon-pelakon veteran yang dikagumi bakat mereka?**

RJ : Errr (berfikir) .... Datuk Rahim Razali.

**NM** : Dalam bidang lakonan, siapakah idola dan pernahkah digandingkan bersama dalam lakonan?

**RJ** : Idola Datuk Rahim Razali, beberapa kali dah berlakon dengan dia.

**NM** : **Siapakah 3 sahabat baik puan dari bidang lakonan?**

**RJ** : Sahabat baik ya. Sebenarnya dalam 'industry' lakonan ni (ini) saya takde (tiada) pelakon yang betul-betul baik dengan saya. Cuma saya jumpa dekat set saya "Hai-Hai" "Bye-Bye" takde (tiada) la macam "eh hello jom lepak-lepak minum" tu takde (itu tiada). Takde memang takde (tiada memang tiada).

**NM** : **Siapakah 3 pengarah yang selalu puan bekerjasama?**

**RJ** : 3 orang ya. Erm (berfikir) Reza Baharudin, Along Kamarudin satu lagi. Jap eh nak ingat .... Err (berfikir) Reza Baharudin, Along Kamarudin. Rashid dah lama tak ni (tidak ini) .... sapa (siapa) eh lagi sorang .... Osman Ali. Haa, Osman Ali.

**NM** : **Berikan 3 nama 'production' yg puan banyak terima tawaran lakonan?**

**RJ** : Global Station, A. Aida Production ... Oh ada lagi satu sebenarnya boleh tambah 4 tak (tidak)?

**NM** : Boleh-boleh (ketawa).

RJ : SR1 Production. SR1 Production yang buat 7 hari mencintaiku tu (itu). SR1 Production ha itu adalah antara yang banyak kali juga panggil lah.

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: HARAPAN DAN NASIHAT DALAM INDUSTRI LAKONAN

**NM : Sebagai seorang pelakon veteran, apakah harapan puan untuk dunia seni lakonan zaman sekarang?**

RJ : Harapan ehh, saya harap 'industry' kita dapat kembang menjadi 'industry' yang lebih sihat lah. Lebih sihat dan orang lain dapat menjadi 'industry' sebagai satu punca kerjaya.

**NM : Sekiranya saya ingin menceburi bidang lakonan, apakah petua atau rahsia yang boleh diamalkan?**

RJ : Petua (berfikir). Sebenarnya untuk jadi seorang pelakon yang berjaya tak (tidak) semestinya awak kena cantik yang penting saya rasa tapi kalau ada 'package' tu (itu) lebih-lebih bagus lah. Dia kena bakat kalau cantik tu (itu) ada 'package' sekali.

**NM : Pada pandangan puan, apakah ciri-ciri istimewa yang perlu ada pada seseorang untuk menceburi bidang lakonan terutama untuk orang muda?**

RJ : Bakat. Bakat disiplin itu yang penting.

**NM : Apakah prinsip yang selalu puan pegang semasa menjadi seorang pelakon veteran dari dulu sehingga kini?**

RJ : Hormat orang lain terutama pelakon yang lebih 'senior'.

**NM : Apakah inovasi atau perubahan yang perlu pelakon muda bawa bagi menjamin kualiti drama dan filem tempatan?**

RJ : Dia kena tunjuk lakonan yang bagus, yang orang akan nampak lakonan dia.

**NM : Boleh puan berkongsi sedikit pengalaman atau nasihat di alam pekerjaan yang harus kami ketahui?**

RJ : Nasihat ya, err (berfikir) nak berlakon ni (ini) bukan sahaja nak 'glamour'. Betul 'glamour'. Pelakon-pelakon sekarang kan kalau nak dibandingkan dengan pelakon-pelakon dulu memang jauh sangat beza. Pelakon sekarang kalau datang kan dengan pakaian yang tak (tidak) berapa nak betul, dengan perangai yang tak (tidak) berapa nak betul kan, kadang-kadang berlakon dekat kampung pun pakai pakaian yang tak (tidak) elok. Benda-benda macam itulah (itulah) yang kita kena jaga. Sebab bila kita berlakon kita bawa imej 'production' yang kita berlakon kan kita bawa diri kita berkerja.

**NM : Boleh puan berikan nasihat kepada mereka yang berminat nak menceburi diri dlm bidang lakonan?**

RJ : Macam saya cakap tadilah. Kena tunjukkan diri, kelakuan yang baik, tunjukkan lakonan yang bagus, bakat kena keluarkan bakat itu, kena hormat orang lain, kena hormat pelakon yang lebih 'senior'. Bila pergi berlakon dengan orang yang lebih 'senior' minta ilmu pada dia orang. Kalau tak (tidak) minta ilmu rugi.

**NM : Apakah bakat lebih penting atau berwajah & berpewatakan menarik tanpa bakat pun boleh jadi pelakon?**

RJ : Kedua-duanya boleh jadi contoh eh ... ha ni (ini) bukan nak menunding jari kepada sesiapa tapi contohnya, Fattah Amin. Dia mungkin ada rupa tapi mula-mula penampilan dia, dia memang tak (tidak) boleh berlakon dia macam kayu tapi dia ada rupa tapi dia kena ada azam untuk diri dia sendiri untuk 'polish' lakonan dia supaya dia lebih bagus dan harini Fattah Amin berlakon memang sangat bagus. Betul tak?

NM : Betul, setuju (senyum).

RJ : Ha, itulah (itu lah) contoh dia. Dia kena seiring bakat dengan rupa itu kerja seiring kalau bakat ada tapi rupa takde (tidak ada) pun macam susah juga awak nak pergi. Nanti awak tak (tidak) boleh la jadi hero atau heroin awak boleh jadi setakat 'supporting' je. Haa, sebab nanti 'production' susahlah nak jual 'product' dia kalau awak takde rupa. Betul tak?

NM : Betul-betul (senyum).

RJ : Jadi kedua-duanya kena seiring.

**NM : Bukan semua ibubapa akan menyokong anak-anak yang melibatkan diri dlm kerjaya lakonan ini. Secara peribadi, adakah kerjaya pelakon ini boleh menjamin masa depan?**

RJ : Boleh, kenapa tak (tidak). Apa-apa pun terpulang pada diri sendiri kalau awak habis belajar tinggi setinggi-tingginya pun kalau awak tak (tidak) gunakan apa

yang awak ada awak tak kan (tidak akan) berjaya juga dalam hidup bukan setakat tu je (itu sahaja). Betul tak?

**NM** : Betul-betul (senyum).

**NM** : **Apa pendapat berkenaan babak-babak yang mungkin perlu bersentuhan antara bukan mahram atau babak-babak romantik yang tidak sesuai ditayangkn kepada masyarakat?**

**RJ** : Rasa memang tak (tidak) perlu pun babak bersentuhan ni (ini) sebab kita kan orang melayu. Kita kan beragama islam kan jadi sepatutnya dielakkan lah babak-babak bersentuhan.

**NM** : **Sejauh mana industri lakonan ini membantu masyarakat dan negara?**

**RJ** : Bila kita berlakon dalam satu drama dia tu (itu) dikira sebagai suatu contoh untuk orang jadi ikutan apa-apakan, kan orang (berfikir) apa ni (ini) apa orang cakap berlakon ni (ini) satu ibadah juga dan apa yang kita lakonkan tu (itu) satu watak sekiranya baik, dia kena jadi ikutan untuk semua orang.

**NM** : **Sebagai pelakon yang telah senior dalam bidang lakonan, apakah yang diharapkan untuk pelakon veteran & pelakon muda?**

**RJ** : Pelakon veteran dan pelakon muda ya supaya dapat berkerjasama lah. Dia ada perkataan nak sebut tak (tidak) dapat supaya dapat berkerjasama lah, supaya dapat memahami antara satu sama lain, supaya cepat berkerjasama.

**NM : Apa pendapat pelakon-pelakon yang dah kaya & berjaya setelah berkahwin serta menceburkan diri dlm bidang perniagaan, masih aktif dlm bidang lakonan?**

**RJ :** Okay haa. Sebenarnya ini saya dengar sendirilah daripada pelakon tu (itu) sendiri yang dia berlakon dan dah ada perniagaan tapi malangnya kenapa dia tetap berlakon kenapa dia tak (tidak) tumpu kepada 'business' dia je (sahaja). Jawapan dia bidang lakonan ni (ini) dapat 'supplement' untuk dia ke .... sedia-sedia maksudnya dapat tawaran berlakon ni (ini) dapat dia 'rolling' 'business' jadi dia membantulah. Itu yang saya dengar sendiri dari mulut salah sorang pelakon. Bila ada soalan orang tanya dia dah ada 'business' tapi kenapa tak tumpu pada 'business' dia tapi kenapa dia masih lagi nak berlakon. Kata dia duit tawaran dia berlakon tu (itu) dia akan 'rolling' untuk 'business' dia. Jadi tu (itu) sebab dia masih nak berlakon.

**NM : Apakah fokus yang diharapkan sewaktu bergiat dalam bidang lakonan. Glamour atau sumber pendapatan?**

**RJ :** Untuk saya memang pendapatan, untuk orang lain saya tak tahu (tidak tahu). Mungkin ada orang yang tujuan dia ada untuk 'glamour' itu terpulang pada diri sendiri.

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: PESARAAN**

**NM : Pada pandangan puan, adakah puan pernah terfikir untuk bersara?**

**RJ :** Kadang-kadang itu ada kadang-kadang tu (itu) rasa macam sampai bila saya nak berlakon tapi kadang-kadang saya macam takut. Sebenarnya dia jadi macam darah daging saya kalau tak (tidak) berlakon tu (itu) rasa macam nak berlakon .... ha ..... tak (tidak) boleh tak (tidak) berlakon. Cuma saya rasa takut berhenti terus tu (itu) mungkin tak (tidak) tapi akan kurangkan jadi bila rasa nak berlakon tu (itu) tapi belum terfikir lagi untuk bersara.

**NM : Apakah hala tuju atau perancangan yang akan puan lakukan andai kata tidak lama lagi menjadi seorang pelakon?**

**RJ :** Untuk umur saya ni (ini) saya rasa saya akan lebih 'focus' pada diri sendiri, saya rehatkan badan, beramal ibadat, masa untuk keluarga, untuk layan cucu.

**NM : Sebelum bersara masih adakah yang puan ingin capai?**

**RJ :** In Sha Allah mungkin untuk meraih satu lagi 'award' sebelum saya bersara. In Sha Allah.

**NM & :** In Sha Allah.

**SS**

**RJ :** Jadi penambah penutup la orang kata.

**TAMAT BAHAGIAN 5**



## RUJUKAN

*Carian Umum*. (n.d.). Prpm.dbp.gov.my. Retrieved January 23, 2023, from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=artis>

*Carian Umum*. (n.d.). from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=lakonan>

*Kepentingan Pengajian Drama dan Teater di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) Universiti Malaysia Kelantan (UMK)*. (n.d.). Id.linkedin.com. Retrieved January 23, 2023, from <https://id.linkedin.com/pulse/kepentingan-pengajian-drama-dan-teater-di-fakulti-ftkw-aziz-hussin>

*Kepentingan Sejarah lisan*. *Kepentingan Sejarah Lisan*. from <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>

Razak, R. A. (2017, August 28). 60 Tahun kemerdekaan, merdekakah industri seni Malaysia? *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/60-tahun-kemerdekaan-merdekakah-industri-seni-malaysia-153698>

*Rosnah Johari*. (2022, November 30). Wikipedia. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Rosnah\\_Johari](https://ms.wikipedia.org/wiki/Rosnah_Johari)

Wikimedia Foundation. (2022, September 1). *Lakonan*. Wikipedia. from <https://ms.wikipedia.org/wiki/Lakonan#:~:text=Lakonan%20ialah%20suatu%20cara%20penceritaan,berlainan%20dengan%20dirinya%20yang%20sebenar.>

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Nur Malihah Binti Zailani dan Siti Syalwanie Binti Roslan telah menemubual Y. Rosnah Binti Johari mengenai latar belakang dan pengenalan hidup beliau sebagai seorang tokoh dalam bidang seni lakonan. Sesi temubual dijalankan pada 24 Januari 2023 bersamaan dengan hari Selasa pada jam 9:30 malam.

Masa	Subjek	Nama/Tempat/Rujukan
<b>Bahagian 1: Latar Belakang</b>		
0:00 – 0:29	Sesi pengenalan	Nur Malihah Binti Zailani UiTM Machang
0:30 – 3:14	Pengenalan diri dan latar belakang Pn. Rosnah	Y. Rosnah Binti Johari.  Nama 'glamour' Rosnah Johari  Dilahirkan di Kuala Lumpur pada  Dibesarkan di Kuala Lumpur

		Menetap di Puchong
3:15 – 5:19	Menceritakan citi-cita pertama tokoh	Mencuba ujibakat di sekolah. ‘Form 4’ atau ‘form 5’ mewakili sekolah untuk pertandingan drama  Menang pelakon Wanita Angkasa Puri
5:20 – 5:36	Aktiviti masa lapang	Bercucuk tanam seperti tanam pokok dan sayur
<b>Bahagian 2: Sejarah Pendidikan</b>		
5:47 – 9:04	Menceritakan pendidikan semasa di zaman persekolahan	Bermula dari sekolah rendah  Belajar sampai SPM tingkatan 5  Sekolah Menengah Ulu Klang Persatuan Bahasa Malaysia

		<p>Menjadi ketua kelas semasa di Tingkatan 5</p> <p>Anugerah mewakili sekolah dalam pertandingan drama</p> <p>Tidak duduk di asrama</p> <p>Subjek Sejarah</p> <p>Tingkatan 1 bantuan elaun dari kerajaan</p> <p>Kenangan manis semasa menang dalam pertandingan drama</p>
<p><b>Bahagian 3:</b> <b>Kerjaya Awal</b></p>		
9:14 – 9:52	Sebelum menceburi bidang seni lakonan	<p>Kerja di 'office'</p> <p>Jadi kerani</p>
9:55 – 11:03	Bermula menjadi seorang pelakon	<p>Pada zaman sekolah semasa menang anugerah</p> <p>Kerana minat dan pilihan</p>

11:06 – 12:11	Sejarah kerjaya tokoh dari awal sehingga sekarang	<p>'Form 5' berlakon dengan RTM</p> <p>Drama spontan</p> <p>Mula pada 1981</p> <p>1989 menang Anugerah Pelakon Wanita Terbaik Anugerah Sri Angkasa</p>
12:58 – 14:05	Idola dalam dunia lakonan	<p>Datuk Rahim Razali</p> <p>Ahmad Tarmimi Siregar</p> <p>Eman Manan</p> <p>Ahmad Yatim</p>
14:06 – 15:27	Sokongan dan dorongan dalam kerjaya tokoh	<p>Awalnya kawan baik</p> <p>'Family' tidak mendorong atau melarang.</p> <p>Diri sendiri yang mendorong</p>
18:00 – 18:28	Watak yang sering di bawa oleh tokoh	Sering menjadi watak sebagai seorang mak

		<p>Watak baik, lembut dan penyedih.</p> <p>Watak garang dan 'kekwat'</p>
18:47 – 19:49	Belajar mendalami watak	<p>Baca dan fahamkan skrip dahulu</p> <p>Satu karakter untuk watak tersebut</p> <p>Kembangkan perwatakan dalam cerita</p>
24:04 – 25:38	Menceritakan tentang skrip lakonan dan langkah pertama yang tokoh akan lakukan.	<p>Perwatakan</p> <p>Pakaian yang macam mana</p>
25:39 – 26:07	Persediaan dan persiapan tokoh dalam lakonan	<p>Persiapan pakaian</p> <p>Filem tidak boleh bawa apa-apa</p> <p>Drama sediakan sendiri pakaian sesuai dengan watak</p>
26:39 – 27:14	Covid-19 yang memberi kesan kepada tokoh	Ya, dan memberi kesan kepada ramai pelakon juga

		Ramai yang belum betul-betul ada kerja untuk 'shooting'
27:54 – 28:47	Perubahan di set penggambaran selepas Covid-19	Semua sangat berhati-hati Masih jaga jarak Waktu berlakon macam biasa dan cuba elakkan
29:49 – 30:05	Penghargaan yang bermakna tokoh sepanjang menceburi bidang lakonan	Dinobatkan sebagai pelakon Wanita terbaik tahun-89
30:06 – 30:48	Tips yang dikongsikan oleh tokoh dalam babak sedih	Letak diri kita sebagai watak Fikirkan kejadian sedih dalam diri kita untuk di bawa dalam watak itu.
31:12 – 31:24	Pelakon veteran yang di kagumi oleh tokoh	Datuk Rahim Razali
33:00 – 33:52	Pengarah yang selalu yang tokoh berkerjasama	Reza Baharudin Along Kamarudin Osman Ali



33:57 – 34:53	Produksi yang sering tokoh mendapat tawaran	Global Station  A.Aida Production  SR1 Production  (satu lagi)
<p><b>Bahagian 4:</b> <b>Harapan dan Nasihat Dalam Industri Lakonan</b></p>		
35:35 – 36:06	Harapan daripada tokoh untuk dunia seni lakonan zaman sekarang	Berharap industri berkembang dan lebih sihat  Orang lain menjadi industri sebagai satu punca kerjaya
36:42 – 37:00	Tokoh memberikan ciri yang perlu ada jika menceburi bidang lakonan	Bakat dan disiplin yang penting
37:01 – 37:18	Prinsip yang di amalkan oleh tokoh	Hormat orang lain terutama pelakon senior
38:52 – 39:46	Tokoh memberikan nasihat kepada yang mahu menceburi bidang lakonan	Tunjukkan diri  Kelakuan yang baik

		<p>Lakonan yang bagus</p> <p>Hormat orang lain</p> <p>Minta ilmu daripada pelakon senior</p>
41:33 – 42:04	Tokoh memberikan pendapat babak yang tidak sesuai untuk ditayangkan	<p>Tidak perlu babak bersentuhan</p> <p>Elakkan babak bersentuhan</p>
42:48 – 43:43	Harapan tokoh kepada pelakon veteran dan pelakon muda	<p>Dapat berkerjasama</p> <p>Memahami antara satu sama lain</p>
<p><b>Bahagian 5:</b></p> <p><b>Pesaraan</b></p>		
46:27 – 46:57	Hala tuju tokoh andai tidak lagi menjadi seorang pelakon	<p>Fokus untuk diri sendiri</p> <p>Rehatkan badan</p> <p>Beramal ibadat</p> <p>Masa untuk keluarga</p> <p>Layan cucu</p>

47:17 – 47:42	Sebelum bersara, ada yang tokoh ingin capai	Meraih satu lagi anugerah sebelum bersama.
---------------	---	--

#### DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	AKTIVITI	TINDAKAN
2.00 pm - 4.00 pm	10 Oktober 2022	Perbincangan Projek Kajian	Puan Nurulannisa menerangkan tentang projek serta struktur yang harus dilaksanakan didalam kelas.
9.00 pm -10.00 pm	15 Oktober 2022	Pembentukan Kumpulan	Proses dimana mencari pasangan. Maka Nur Malihah dan Siti Syalwanie berpakat untuk bekerjasama dalam projek ini.
10.00 pm -10.30 pm	22 Oktober 2022	Pemilihan Tajuk dan Tokoh Kajian	Apabila pasangan dibentuk, mereka membincangkan tentang pemilihan tajuk dan tokoh yang mana mereka memilih untuk mencari tokoh dalam seni perfileman iaitu dari kategori pengarah filem. Lalu mereka memilih Tuan Uwei Hj. Saari.
2.00 pm - 4.00 pm	24 oktober 2022		Namun sewaktu Puan Nurulannisa menyuruh untuk menyenaraikan

<p><b>2.00 pm - 3.00 pm</b></p>	<p>27 oktober 2022</p>		<p>nama tokoh yang telah dipilih, rupanya tokoh mereka sama dengan pasangan lain dan terpaksa ditukar.</p> <p>Setelah itu, mereka beralih mencari tokoh dalam seni lakonan dan mereka mencari seorang seorang artis veteran Tanah Air iaitu Puan Rosnah Johari. Tokoh kali ini diterima oleh Puan Nurulannisa.</p> <p>Setelah itu, Nur Malihah dan Siti Syalwanie mula mengagihkan tugas dan mencari maklumat lanjut tentang tokoh melalui Google dan akaun Instagram milik tokoh.</p>
<p><b>9.00 pm - 10.00 pm</b></p>	<p>28 oktober 2022</p>		
<p><b>10.00 pm - 11.30 pm</b></p>	<p>1 November 2022</p>	<p>Penyediaan Abstrak</p>	<p>Apabila tokoh sudah dipilih dan diterima oleh Puan Nurulannisa, Nur Malihah dan Siti Syalwanie mula membuat abstrak tokoh.</p> <p>Setelah 3 hari, mereka menghantar abstrak pertama di Google Classroom. Namun, Puan Nurulannisa mengatakan bahawa abstrak terlalu panjang dan harus diperbaiki.</p>
<p><b>9.00 am -10.30 am</b></p>	<p>3 November 2022</p>		<p>Setelah dua hari, mereka menghantar abstrak yang baru yang telah dibaiki</p>

<b>10.00 am - 11.00 am</b>	5 November 2022		dan ianya diterima oleh Puan Nurulannisa.
<b>10.00 pm - 11.45 pm</b>	6 November 2022	Melaksanakan preminary	Setelah abstrak diterima, Nur Malihah dan Siti Syalwanie membuat preminary tokoh mengikut garis panduan yang di berikan oleh Puan Nurulannisa dan menghantarnya di Google Classroom.
<b>2.00 pm - 4.00 pm</b>	20 November 2022	Penyediaan Soalan temubual	Sebelum penyediaan soalan temubual, Puan Nurulannisa menerangkan tentang garis panduan untuk membuat soalan memberikan contoh untuk mereka sebagai rujukan sebelum mereka membuat soalan.
<b>9.00 pm - 12.00 am</b>	22 November 2022		Apabila sudah mendapat gambaran, Nur Malihah dan Siti Syalwanie mula membuat soalan untuk tokoh sebanyak 100 soalan dan menghantar ke Google Classroom.
<b>2.00 pm - 4.00 pm</b>	24 November 2022		Setelah itu, apabila Puan Nurulannisa sudah semak dan terdapat beberapa kesalahan, mereka bertemu Puan Nurulannisa sewaktu tamat kuliah untuk konsultasi tentang soalan temubual mereka. Puan Nurulannisa memberika penerangan dan juga idea

3.00 pm – 4.00 pm	27 November 2022		<p>untuk penambahan agar soalan menjadi lebih baik.</p> <p>Setelah 4 hari, soalan temubual yang baru sudah siap dan disubmit di Google Classroom. Soalan temubual yang kedua diterima oleh Puan Nurulannisa.</p>
9.00 pm - 9.30 pm	28 November 2022	Pemilihan Tarikh Temubual	Apabila soalan temubual sudah siap, Nur Malihah dan Siti Syalwanie, membuat perbincangan awal tentang pemilihan Tarikh temubual untuk tokoh.
10.00 pm - 12.00 am	1 December - 12 December 2022	Kajian Literatur dan Penulisan Kertas Kerja	Nur Malihah dan Siti Syalwanie berbahagi tugas dalam menyiapkan Kajian literatur dan penulisan kertas kerja ini. Mereka membuat kerja ini Bersama-sama di perpustakaan Tengku Anis.
9.00 am - 9.45 am	13 December 2022	Perbincangan Semula Tarikh Temubual	Nur Malihah dan Siti Syalwanie mula berbincang secara serius untuk pemilihan Tarikh yang sebenar untuk menghubungi melakukan temu ramah Bersama tokoh.

<p><b>2 .00 pm</b></p>	<p>15 December 2022</p>	<p>Mula Menghubungi Tokoh</p>	<p>Nur Malihah dan Siti Syalwanie mula menghubungi tokoh. Pada awalnya Siti Syalwanie yang menghubungi tokoh melalui laman instagramnya. Dan pada hari yang sama mendapat respon daripada tokoh. Tokoh mengatakan bahwa pembantu peribadanya akan menghubungi Siti Syalwanie dengan segera. Namun, hampir 3 hari, Siti Syalwanie tidak mendapat panggilan atau mpesanan dari pihak tokoh.</p> <p>Oleh itu, Nur Malihah dan Siti Syalwanie mengambil inisiatif untuk menghubungi pembantu peribadi tokoh. Mereka menelefon pembantu peribadi tokoh namun tidak dapat dihubungi. Setelah itu, Nur Malihah mula menghantar pesanan di whatsappnya untuk menanyakan perkhabaran.</p> <p>Pada keesokannya Pihak tokoh membalas dan menetapkan Tarikh untuk mereka menebual tokoh.</p>
<p><b>6.00 pm</b></p>	<p>19 December 2022</p>		
<p><b>9.00 am</b></p>	<p>20 December 2022</p>		

<b>9.30 pm - 11.00 pm</b>	31 December 2022	Temubual Dijalankan	Temubual Bersama tokoh iaitu Puan Rosnah Johari dijalankan secara atas talian iaitu melalui google meet.
<b>9.00 pm - 11.00 pm</b>	8 Januari 2023 – 9 Februari 2023	Proses penyalinan rakaman	Setelah temubual dilaksanakan, Nur Malihah dan Siti Syalwanie mula melakukan penyalinan rakaman dan transkrip yang mana ianya harus di hantar “soft copy” di google classroom kepada Puan Nurulannisa.
<b>2.00 pm</b>	14 February 2023	Penilaian Projek	Menghantar full transkrip melalui google classroom kepada Puan Nurulannisa untuk penilaian.
<b>10.00 am</b>	17 February 2023 - 21 February 2023	Proses Binding Transkrip	Menghantar full transkrip ke kedai untuk binding dan “burn” audio dalam CD.



# **SOALAN TEMURAMAH**

## **PENGENALAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni lakonan. Bersama-sama kami ialah Puan Rosnah Binti Johari yang merupakan seorang pelakon Veteran Tanah Air. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Januari 2023 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 9:30 malam secara atas talian. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Malihah Binti Zailani dan Siti Syalwanie Binti Roslan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

Untuk sesi yang pertama kita akan mulai dari latar belakang tokoh, keluarga dan juga sejarah pendidikan.

1. Boleh puan perkenalkan nama penuh?
2. Adakah puan mempunyai nama “glamour”?
3. Dimanakah puan dilahirkan?
4. Bilakah tarikh lahir puan?
5. Dimanakah puan dibesarkan?
6. Dimanakah puan menetap sekarang?
7. Dengan siapakah puan tinggal sekarang?
8. Apakah cita-cita puan yang pertama?
9. Jika mempunyai masa lapang, apakah yang biasanya puan akan lakukan?

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

10. Bilakah puan mendapatkan pendidikan awal?
11. Dimanakah Puan pernah bersekolah?
12. Semasa di bangku sekolah, adakah puan seorang yang aktif?
13. Adakah puan pernah memegang apa-apa jawatan semada di zaman persekolahan?
14. Adakah puan pernah memenangi apa-apa anugerah semasa zaman persekolahan?
15. Adakah puan tinggal di asrama sewaktu zaman persekolahan?
16. Apakah subjek kegemaran puan ketika di waktu persekolahan?
17. Pernahkah puan menerima sebarang biasiswa ataupun bantuan sepanjang pengajian?
18. Semasa di persekolahan, adakah puan sering menyertai mana-mana kelab dan persatuan sepanjang pengajian?
19. Apakah pengalaman yang paling manis bagi puan semasa di zaman persekolahan?

## **BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL**

Seterusnya temubual ini akan beralih kepada sesi Kerjaya dalam dunia lakonan.

20. Apakah pekerjaan pertama puan?
21. Bagaimana puan boleh berminat untuk menjadi seorang pelakon?
22. Apakah faktor yang membuatkan puan ingin menjadi seorang pelakon pada waktu itu?
23. Mengapa puan memilih profession ini?
24. Boleh puan ceritakan tentang sejarah kerjaya dari awal sehingga sekarang?
25. Bagaimanakah puan mula tertarik dalam dunia seni lakonan?
26. Pada umur berapakah puan mula bekerja sebagai seorang pelakon?
27. siapakah idola puan dalam dunia lakonan?
28. Siapa yang memberi sokongan dan dorongan kepada puan untuk mendapatkan pekerjaan tersebut?
29. Adakah keluarga, rakan serta kenalan pernah menghalang atau melarang puan untuk menceburi dunia lakonan?
30. Bagaimana persepsi anak-anak puan semasa puan menjadi pelakon?

31. Adakah puan pernah membawa anak-anak ke set pengembaraan?
32. Adakah puan pernah menghadiri ujibakat untuk menjadi pelakon?
33. Apakah perasaan puan bila pertama kali dapat berlakon?
34. Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan semasa berlakon?
35. Adakah puan pernah terlewat untuk pergi ke set pengembaraan?
36. Apakah watak yang sering di bawa oleh puan?
37. Adakah puan menerima semua tawaran lakonan yang diberikan?
38. Bagaimana puan belajar untuk mendalami setiap watak yang diberikan oleh pengarah?
39. Adakah puan pernah gagal dalam mendalami watak? Sekiranya ya, bagaimana puan mengatasinya?
40. Apakah watak yang memberi kesan mendalam kepada puan setiap kali berlakon?
41. Apakah watak yang sangat puan ingin lakonankan?
42. Antara filem dan drama, yang manakah pilihan utama puan?
43. Apakah genre drama atau filem yang puan minat?
44. Sekiranya diberikan genre romantik dan lawak seram, yang manakah puan berminat?
45. Jika diberikan skrip lakonan, apakah yang pertama sekali puan akan lihat?
46. sebelum melakukan sebarang pengembaraan filem dan drama, apakah persiapan dan persediaan yang puan lakukan?
47. Kalau puan tidak keberatan, bolehkan saya tahu berapakah bayaran untuk sesebuah drama?
48. Semasa Covid-19, adakah ia memberi kesan kepada bidang lakonan puan?
49. sepanjang Covid-19, apakah kegiatan utama puan?
50. Selepas Covid-19 reda, adakah puan masih mendapat tawaran berlakon?
51. Adakah suasana di set pengembaraan sebelum dan selepas Covid-19 berubah?
52. Apakah yang puan rasakan tentang pelakon muda pada zaman sekarang?
53. Adakah puan menerima sebarang anugerah sepanjang menjadi pelakon tanah air selain daripada anugerah wanita terbaik?
54. Apakah penghargaan yang sangat bermakna sepanjang puan berada dalam dunia seni lakonan?
55. Sebagai pelakon yang dikenali sebagai dramatis airmata, apakah tips yang boleh dikongsikan untuk menangis bila melakonkan babak yang sedih.

56. Bolehkan kerjaya lakonan ini dianggap sebagai kerjaya ataupun sekadar mengisi masa lapang dan hobi?
57. Siapakah pelakon-pelakon veteran yg dikagumi bakat mereka?
58. Dalam bidang lakonan, siapakah idola dan pernahkah digandingkan bersama dalam lakonan?
59. Siapakah 3 sahabat baik puan dari bidang lakonan?
60. Siapakah 3 pengarah yang selalu puan bekerjasama?
61. Berikan 3 nama 'production' yang puan banyak terima tawaran lakonan?

#### **BAHAGIAN 4: HARAPAN DAN NASIHAT DALAM INDUSTRI LAKONAN**

62. Sebagai seorang pelakon veteran, apakah harapan puan untuk dunia seni lakonan zaman sekarang?
63. Sekiranya saya ingin menceburi bidang lakonan, apakah petua atau rahsia yang boleh diamalkan?
64. Pada pandangan puan, apakah ciri-ciri istimewa yang perlu ada pada seseorang untuk menceburi bidang lakonan terutama untuk orang muda?
65. Apakah prinsip yang selalu puan pegang semasa menjadi seorang pelakon veteran dari dulu sehingga kini?
66. Apakah inovasi atau perubahan yang perlu pelakon muda bawa bagi menjamin kualiti drama dan filem tempatan?
67. Boleh puan berkongsi sedikit pengalaman atau nasihat di alam pekerjaan yang harus kami ketahui?
68. Boleh puan berikan nasihat bagi mereka yang berminat nak menceburi diri dalam bidang lakonan.
69. Apakah bakat lebih penting atau berwajah & berpewatakan menarik tanpa bakat pun boleh jadi pelakon?
70. Bukan semua ibubapa akan menyokong anak-anak yang melibatkan diri dlm kerjaya lakonan ini. Secara peribadi, adakah kerjaya pelakon ini boleh menjamin masa depan?

71. Apa pendapat berkenaan babak-babak yang mungkin perlu bersentuhan antara bukan mahram atau babak-babak romantik yang tidak sesuai ditayangkn kepada masyarakat.
72. Sejauh mana industri lakonan ini membantu masyarakat dan negara?
73. Sebagai pelakon yang telah senior dalam bidang lakonan, apakah yang diharapkan untuk pelakon veteran & pelakon muda?
74. Apa pendapat puan tentang pelakon-pelakon yang dah kaya & berjaya setelah berkahwin serta menceburi diri dalam bidang perniagaan, masih aktif dalam bidang lakonan?
75. Apakah fokus yang diharapkan sewaktu bergiat dalam bidang lakonan. Glamour atau sumber pendapatan?

#### **BAHAGIAN 5: PESARAAN**

Baiklah puan, sebelum kita mengakhiri temubual ini, kita akan beralih ke sesi yang terakhir yang mana ianya tentang Persaraan.

76. Pada pandangan puan, adakah puan pernah terfikir untuk bersara?
77. Apakah hala tuju atau perancangan yang akan puan lakukan andai kata tidak lama lagi menjadi seorang pelakon?
78. Pada umur berapakah target puan untuk bersara?
79. Sebelum bersara masih adakah yang puan ingin capai?

#### **PENUTUP**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Puan Rosnah Binti Johari dalam dunia lakonan sehingga kini. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni lakonan kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# **SURAT PERJANJIAN**



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ..... Y. ROSNAH BINTI JOHARI ..... K/P: ..... pada  
10 FEBRUARI 2023 ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:


1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Y. ROSNAH BINTI JOHARI  
(Nama tokoh )  
Tarikh: 10 FEBRUARI 2023

.....  
(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA



# **GAMBAR**



Rajah 1 menunjukkan gambar “google meet” bersama tokoh puan Rosnah Johari

# INDEKS

## INDEKS

### **A**

*anugerah*.....iii, 5, 15, 27, 32, 41, 42  
*Artis* ..... iii, x, 51

### **B**

**babak-babak**..... 20, 44  
 Bakat ..... iii, x, 4, 10, 16, 18, 19, 43  
 Berlakon. 4, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 19,  
 20, 21, 22, 27, 30, 42

### **D**

Drama ..... 8, 23, 28, 29, 51

### **F**

Filem ..... 12, 29

### **I**

Idola.....8, 16, 41, 43  
*Industri*..... iii, v, vii, 31, 51

### **K**

Kerjaya..... iii, 7, 16, 17, 20, 27, 28, 31, 41, 43  
 Kuala Lumpur.....iii, vii, 3, 25, 51

### **L**

Lakonan ..... iii, ix, x, 2, 4, 7, 8, 9, 11, 13, 14, 15, 16,  
 17, 18, 19, 20, 21, 23, 25, 27, 28, 29, 30, 31,  
 34, 40, 41, 42, 43, 44

### **M**

Minat .....x, 7, 8, 12, 13, 27, 42

### **P**

Penampilan..... 19  
 Pengarah.....30, 51  
 Pengembaraan ..... 9, 13, 42

### **R**

Romantik.....13, 20, 42, 44

### **S**

Sastera.....6  
 Scene ..... 10, 12, 13  
*Seni*.....iii, ix, x, 2, 8, 15, 17, 23, 25, 27, 31, 33, 34,  
 40, 41, 42, 43, 44  
 Senior ..... 18, 19, 20, 31, 32, 44, 52  
 Shooting ..... 9, 14, 15, 29  
 Skrip ..... 11, 13, 29, 42

### **T**

Tawaran.....7, 11, 13, 14, 17, 21, 30, 42, 43

### **V**

Veteran..... ix, 16, 17, 18, 20, 30, 32, 34, 43, 44

### **W**

Wanita.....4, 15, 42